



KEMENTERIAN PERPADUAN NEGARA

## TEKS UCAPAN

**YB DATUK AARON AGO DAGANG  
MENTERI PERPADUAN NEGARA**

## SEMPENA

**BICARA BAHASA KOLOKIAL:  
MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI  
“CAKNO LOGHAT KELATE”**

**5 MAC 2024 (SELASA)**

**9.00 PAGI**

**GRAND RIVERVIEW HOTEL  
KOTA BHARU, KELANTAN**

Salam Malaysia MADANI dan Salam Perpaduan.

## **SALUTASI**

***Salutasi terkini disediakan secara berasingan.***

## **PENDAHULUAN**

1. Saya ingin menzahirkan rasa kesyukuran dan berbesar hati kerana diberi kesempatan untuk merasmikan program **BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI “CAKNO LOGHAT KELATE”**.
2. **Program Bicara Bahasa Kolokial ini merupakan siri yang keenam** dilaksanakan oleh Arkib Negara Malaysia. Bagi melengkapkan Jelajah Bicara Bahasa Kolokial ke semua negeri, terdapat lima negeri lagi iaitu Terengganu, Selangor, Negeri Sembilan, Melaka dan Johor yang akan mengadakan program ini.
3. Tema **“Cakno Loghat Kelate”** yang dipilih pada hari ini adalah satu tema yang unik yang bermaksud **“mengambil berat dialek Kelantan”**. Saya percaya, program pada hari ini sejajar dengan matlamat Kementerian Perpaduan Negara (KPN) dalam memperkasa bahasa etnik.

## **BAHASA PENGUKUH PERPADUAN**

**Hadirin yang saya hormati sekalian,**

4. Terlebih dahulu, saya ingin **menjunjung kasih dan menyokong penuh titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong** berhubung saraan agar semua lapisan masyarakat memperkuuh perpaduan negara.
5. Kementerian Perpaduan Negara komited dalam merancakkan lagi pelaksanaan program dalam kalangan rakyat yang merangkumi elemen **kepelbagaian etnik, warisan budaya, bahasa, kesenian dan muzik tradisional**. Program ini juga adalah sebahagian usaha KPN dalam **mengangkat kepelbagaian bahasa kolokial dalam kalangan rakyat yang berbilang etnik sebagai jambatan perpaduan negara**.
6. Bahasa Melayu Kelantan atau dialek Kelantan yang popular sebagai **“kecek Kelate” merupakan bahasa cabang Melayu rumpun Austronesia** yang dituturkan bukan sahaja di negeri Kelantan, tetapi juga negeri-negeri lain. Misalnya, bahasa ini dituturkan di Terengganu (Besut dan Setiu), Pahang (Kuala Lipis), Kedah (Baling, Sik dan Padang Terap).

7. Malah, di selatan Thailand, bahasa ini dikenali sebagai bahasa Melayu Pattani atau bahasa Jawi dan menjadi bahasa komunikasi sehari-hari penduduk.
8. Berdasarkan Statistik Penduduk Suku Ke-4 2019, Kelantan diduduki oleh kira-kira 2 juta penduduk. Kaum Melayu menjadi kaum majoriti, iaitu sebanyak 95 peratus, diikuti kaum Cina 3.8 peratus, kaum India 0.3 peratus dan lain-lain kaum termasuk masyarakat Orang Asli sebanyak 0.9 peratus.
9. Kaum-kaum minoriti ini mempunyai hubungan yang unik dan istimewa dengan masyarakat Melayu di Kelantan. **Tanpa meninggalkan identiti bangsa, mereka dapat berasimilasi dan beradaptasi dengan corak kebudayaan orang Melayu.** Contoh adaptasi yang paling ketara adalah dalam bentuk bahasa. Kita dapat melihat penduduk yang berlainan kaum ini bertutur dalam dialek Melayu Kelantan.
10. Kelantan juga adalah contoh terbaik apabila bercakap tentang perpaduan dan keharmonian kaum. Inilah identiti negeri Kelantan. Setiap daripada kita seharusnya menanam tekad dalam jiwa untuk menjaga, mengekalkan, mewarisi dan melestarikan identiti ini demi perpaduan dan keharmonian kaum yang kita kecapi sekarang.

**PERANAN ARKIB NEGARA MALAYSIA SEBAGAI  
PEMELIHARA KHAZANAH WARISAN NEGARA**

**Hadirin yang saya kasihi sekalian,**

11. Arkib Negara Malaysia (ANM) telah memulakan aktiviti pendokumentasian bahasa kolokial sejak tahun lalu. Usaha ini akan dipergiatkan pada tahun ini. Dengan ini saya umumkan bahawa **ANM akan menjadi hub rujukan bahasa kolokial dan budaya etnik di Malaysia.**
12. Sehubungan dengan itu, **buku pendokumentasian dan pameran** berhubung kepelbagaian bahasa kolokial akan **dilancarkan pada bulan Oktober ini melalui Konvensyen Bahasa Kolokial Kebangsaan.**
13. Inisiatif Arkib Negara Malaysia mendokumentasikan bahasa kolokial merupakan salah satu usaha bagi **memasyarakatkan warisan negara supaya ia dapat kekal dirujuk dan dihayati oleh generasi akan datang.**
14. Kementerian juga akan melaksanakan **Kempen Kenali Bahasa Kolokial** bagi menyuburkan minat golongan muda terhadap kepentingan mengenali dan memelihara khazanah warisan negara khususnya bahasa kolokial.

15. Oleh itu, saya **menyeru agar inisiatif ini dapat disokong oleh pihak lain seperti pertubuhan bukan kerajaan, persatuan warisan, swasta dan rakan-rakan media**. Semoga kita dapat bersama-sama dalam menjayakan segala usaha demi pemeliharaan dan kelestarian khazanah warisan yang tidak ternilai ini agar ia tidak pupus ditelan arus zaman dan kemodenan.

## **PENUTUP**

**Hadirin yang saya muliakan sekalian,**

16. Semoga hasrat kita untuk memartabatkan dan melestarikan tradisi dan budaya komuniti dapat sama-sama direalisasikan.

17. Dengan kata-kata dan hasrat tersebut, saya dengan sukacitanya merasmikan **BICARA BAHASA KOLOKIAL: MELESTARIKAN KEBERDAYAAN BAHASA KOMUNITI “CAKNO LOGHAT KELATE”**.

Sekian, terima kasih.